

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN EKSPLO BUMIPUTERA PULAU  
PINANG (PENBEX) SEMPENA MINGGU PKS 2016**

**DATARAN TRANSFORMASI USAHAWAN,  
KUBANG MENERONG, TASEK GELUGOR,  
SEBERANG PERAI UTARA,  
PULAU PINANG**

**29 MEI 2016, AHAD  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

## **SALUTASI**

### **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurniaNya maka kita diberikan kelapangan untuk bersama-sama berkumpul di Majlis Perasmian Ekspo Bumiputera Pulau Pinang (PENBEX) 2016 pada hari ini.
2. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah terutamanya kepada pihak Jawatankuasa Induk PENBEX, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, ICU, PERDA, MARA dan SME Corp serta agensi dan pihak-pihak lain yang terlibat sama ada langsung atau tidak langsung bagi menjayakan program ini.
3. Syabas dan tahniah juga saya tujukan kepada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, MARA Pulau Pinang dan SME Corp yang buat julung kalinya mengadakan kolaborasi strategik bagi menjayakan PENBEX 2016.

### **OBJEKTIF**

4. Saya difahamkan, penganjuran PENBEX 2016 pada kali ini turut meraikan Sambutan 50 Tahun MARA yang mana MARA bukan sekadar organisasi memperjuangkan kesinambungan terdahulu tetapi memainkan peranan sebagai sebuah *socio-economic engineering agency* yang memegang amanah utama dalam agenda pemerkasaan Bumiputera.

5. Selain itu, saya turut difahamkan bahawa Minggu PKS yang berlangsung di seluruh Malaysia dari 23 Mei hingga 8 Jun 2016 turut mengambil tempat sempena PENBEX 2016 ini. Sudah pasti, program di bawah kelolaan SME Corp ini amat bertepatan dengan ekspo yang diadakan sebagai wadah untuk penyebaran maklumat, memupuk budaya keusahawanan dan ruang promosi kepada industri PKS.

6. Justeru, saya amat menyambut baik pelaksanaan program-program seumpama ini memandangkan ianya bukan sekadar dapat mengoptimumkan impak dalam memajukan rakyat secara menyeluruh malah selari dengan strategi kementerian yang memberikan tumpuan terhadap program-program pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar.

## **PROGRAM TRANSFORMASI LUAR BANDAR**

7. Sebagaimana semua sedia maklum, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telahpun memperkenalkan Program Transformasi Luar Bandar (2016-2020), yang memberi penumpuan kepada enam fokus utama iaitu prasarana, pembangunan belia, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian.

8. Transformasi Luar bandar dengan tema "Membandarkan Luar Bandar" ini diterjemahkan melalui ciri-ciri berikut:

- i. Menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar;
- ii. Menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan;
- iii. Memajukan masyarakat luar bandar melalui perubahan sikap, minset, peningkatan ilmu dan kemahiran;

- iv. Peningkatan kemudahan sosial yang dilaksanakan tanpa menjejaskan persekitaran desa dan masyarakat yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan agama dan kaya dengan budaya serta nilai-nilai murni; dan
- v. Menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

9. Bertepatan dengan strategi ini, kita sememangnya memberi penekanan kepada usaha melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar. Ini kerana usahawan adalah kluster terpenting dalam pengukuhan sosio ekonomi Bumiputera melalui penciptaan peluang pekerjaan serta penciptaan kekayaan yang seterusnya menyokong kepada pertumbuhan negara makmur dan berdaya saing. Justeru, kementerian menerusi agensi pelaksana yang terlibat kini fokus serta agresif dalam melaksanakan pelbagai strategi bagi mendokong hasrat ini.

10. Pada hemat saya, PenBEX 2016 merupakan strategi yang sangat baik untuk menerap atau membudayakan minda keusahawanan bagi kalangan usahawan luar bandar. *Knowledge transfer* melalui sesi seminar dan forum adalah usaha yang praktikal untuk mendedahkan usahawan dengan budaya keusahawanan yang dapat diaplikasi ke arah memantapkan lagi perniagaan terutamanya usahawan PKS. Malah usahawan-usahawan juga perlu didedahkan dengan ilmu-ilmu teknologi kerana teknologi yang relevan boleh memberikan impak positif jika digunakan dalam sesebuah perniagaan. Selain menjadi komponen penting dalam perniagaan, perhubungan harmoni di antara teknologi dan perniagaan harus diwujudkan. Malah, jika penggunaan teknologi diabaikan, perniagaan akan hilang daya saing sama ada di peringkat tempatan dan global.

11. Selain medan untuk *business matching* ataupun *business networking*, PENBEX boleh berperanan sebagai platform kepada agensi-agensi kerajaan untuk mengenalpasti usahawan berpotensi untuk pasaran dalam dan luar negara. Persaingan sengit dalam pasaran memerlukan produk/perkhidmatan luar bandar bersifat kompetitif termasuk melaksanakan aktiviti pemasaran dan promosi dengan inovatif dan kreatif. Justeru, PENBEX mampu menjadi

lalu komersil bagi produk/perkhidmatan luar bandar dengan keutamaan kepada aktiviti padanan perniagaan serta perluasan jaringan perniagaan untuk meningkatkan peluang pasaran produk/perkhidmatan luar bandar. Malah, peluang ini boleh dimanfaatkan oleh komuniti usahawan atau *business professional* yang berminat mencari peluang niaga bersama usahawan luar bandar.

### **PKS dan Minggu PKS 2016**

12. Seperti kita maklum, Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mewakili 98.5% daripada jumlah perniagaan di negara ini. Justeru, PKS merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi dalam usaha Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di Pulau Pinang sahaja terdapat lebih daripada 40,000 PKS, dan sebahagian besarnya terlibat dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

13. Bagi mengiktiraf kepentingan dan sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi negara, sambutan Minggu PKS diadakan serentak di seluruh negara setiap tahun. Minggu PKS merupakan satu inisiatif di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Sambutan ini diadakan bagi memupuk budaya keusahawanan serta memperkenalkan produk dan perkhidmatan PKS dari pelbagai industri kepada masyarakat.

14. Dengan termeterainya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), ia membuka ruang dan peluang yang lebih luas bagi barangan serta perkhidmatan tempatan untuk menembusi pasaran luar negara yang perlu dimanfaatkan oleh PKS tempatan.

15. Bagi membolehkan PKS tempatan merebut peluang yang tersedia menerusi kerjasama serantau seperti TPPA dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) juga telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 April 2016 yang merupakan inisiatif SME Corp. Malaysia bersama MARA untuk meningkatkan daya

saing usahawan Bumiputera bagi menembusi pasaran antarabangsa. Sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan untuk mewujudkan 400 pengeksport baharu Bumiputera melalui penyediaan bantuan pra-eksport di bawah program GEB.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Menyedari kepentingan belia sebagai generasi harapan negara masa hadapan, SME Corp. Malaysia juga melaksanakan inisiatif Pembangunan Usahawan Belia Bumiputera, dengan menganjurkan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) bermula pada 2014 dalam usaha menggalakkan belia menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

17. Setakat ini, Program TUBE telah berjaya mewujudkan sejumlah 937 perniagaan baharu dengan nilai jualan terkumpul bernilai RM17.8 juta, selain mewujudkan hampir 850 peluang pekerjaan. Bagi Negeri Pulau Pinang sahaja, sehingga kini geran bernilai hampir RM630,000.00 telah dimanfaatkan oleh 42 peserta TUBE untuk memulakan dan menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang.

18. Berdasarkan kejayaan ini, Program TUBE telah dijadikan program realiti televisyen iaitu "*The Entrepreneur*" yang telah disiarkan di TV3 baru-baru ini. Bagi pengambilan peserta tahun ini, permohonan TUBE secara online akan dibuka dari 1 hingga 15 Jun 2016. Saya menyeru agar para belia, khususnya di Pulau Pinang untuk menyertai TUBE dan merebut peluang untuk menjadi usahawan baharu.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

19. Selain golongan belia, Kerajaan juga berhasrat meningkatkan penglibatan usahawan

wanita dalam perniagaan. Baru-baru ini, Credit Guarantee Corporation (CGC) memperkenalkan Program BizWanita-i yang menawarkan pembiayaan mudah sehingga RM300,000 bagi membolehkan usahawan wanita bersaing dengan syarikat lain.

20. Selain itu juga, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah melanjutkan Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) kepada generasi kedua peminjam, terdiri daripada 'Generasi Y'. Skim ini bertujuan memenuhi keperluan pembiayaan generasi kedua untuk menceburi bidang keusahawanan; terutamanya dalam bidang pertumbuhan baharu seperti perniagaan dalam talian, perniagaan inovatif dan sebagainya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

21. Apa yang saya kongsi di sini mengenai pelbagai inisiatif Kerajaan dalam membantu PKS mengembangkan perniagaan diharapkan dapat membuka mata dan mendorong tuan-tuan dan puan-puan untuk menceburi bidang keusahawanan. Justeru, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan supaya merebut peluang dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

### **MENINGKATKAN PENDAPATAN BUMIPUTERA**

22. Pada masa ini, terdapat kira-kira 2.7 juta isi rumah B40 dengan pendapatan bulanan di bawah RM 3000. Dalam keadaan Malaysia terus membangun dan makmur, isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan daripada menikmati peluang yang terhasil daripada kemakmuran negara. Sekiranya isi rumah B40 terus berada dalam kedudukan sosio ekonomi semasa mereka, ini akan mengakibatkan kos sosial kepada negara melalui pengurangan bilangan tenaga kerja berkemahiran yang diperlukan dan memberikan kesan kepada pertumbuhan *output* negara.

23. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, data insiden kemiskinan tahun 2014 bagi bandar 0.3% dan luar bandar 1.6%, berbanding 2012 yang mana insiden kemiskinan bandar pada kadar 1.0% dan luar bandar 3.4%. Walaupun jurang kemiskinan makin mengecil, namun usaha-usaha mengupayakan masyarakat luar bandar perlu terus diperhebatkan. Justeru,

elemen pembangunan keusahawanan dalam kalangan belia luar bandar terutamanya perlu dirancarkan kerana daripada 8 juta penduduk luar bandar tersebut, 3.57 juta adalah terdiri daripada belia.

24. Selaras dengan itu, kerajaan sedar bahawa peningkatan kualiti kemudahan asas, persekitaran kondusif dan mesra keusahawanan perlu diteruskan mencakupi kawasan luar bandar. Ini penting agar potensi dan keupayaan golongan belia terutamanya dapat diterokai dan mereka memilih kerjaya sebagai usahawan dan seterusnya bersama menyumbang dalam pengukuhan ekonomi negara.

25. Satu lagi aspek penting yang dititikberatkan oleh kerajaan adalah akses dana/pembiayaan yang berterusan mengikut keperluan dan juga keupayaan perniagaan. PENBEX juga menghimpunkan agensi-agensi pembiaya yang menyediakan khidmat perundingan kemudahan untuk dimanfaatkan oleh bakal usahawan ataupun usahawan. Saya berharap usahawan-usahawan dapat merebut peluang dan menggunakan kesempatan ini untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dana ataupun kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi yang terlibat. Saya yakin skim pembiayaan yang diwujudkan pada hari ini menjadi satu batu loncatan untuk usahawan semua membina keupayaan perniagaan dan maju pada masa hadapan.

## **PENUTUP**

26. Sekali lagi saya rakamkan ucapan tahniah terutamanya kepada Jawatankuasa Induk PENBEX 2016 dan semua pihak yang terlibat menjayakan program ini. PENBEX adalah salah satu program *touch point*/titik sentuhan yang mendekatkan kerajaan dengan rakyat. Besar harapan saya dengan usaha yang kita laksanakan ini dapat memastikan usahawan Bumiputera dapat mengatur langkah yang strategik dalam merentasi transformasi ekonomi akan datang.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PENBEX) Sempena Minggu PKS 2016.

Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum wrt wbt.

Sekian, terima kasih.